

14/04/2002

Memang Melayu lekas lupa

KATA bijak bestari, tawarikh telah mengajar kita satu perkara saja: manusia belum lagi mempelajari apa-apa pun daripada sejarah. Kalau anda mendengar cerita dari dua orang yang menghadiri satu ceramah politik, yang menyaksikan kemalangan (accident) atau satu persembahan, kita mulai ragu tentang catatan sejarah. Apapun sejarah moden bangsa Melayu memang tepat, benar dan bukan menyeleweng. Saya ingin membawa Melayu Baru serta anak-anak mereka mengimbas kedudukan atau status orang Melayu hanya hampir 45 tahun lampau.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata bangsanya cepat tidak ingat. Saya tambah, amat pantas tidak sedar diri. Satu tahun sebelum merdeka penduduk Malaya berjumlah 6,251,649 orang, kurang sedikit separuh Melayu berbanding orang asing: 2,366,656 Cina, 740,436 India dan Pakistani, 95,658 pelbagai bangsa Eropah (kebanyakannya British), 65,080 Serani dan lain-lain. Yakni kita minoriti di watan sendiri. Kini kita majoriti dengan 60 peratus daripada jumlah 24 juta manusia.

Daifnya Melayu dalam pendidikan terjelas, satu bulan setelah merdeka hanya terdapat 152 Melayu dalam tingkatan enam berbanding 180 India/Ceylon, 518 Cina dan 15 orang lain. Di Universiti Malaya (di Singapura waktu itu) hanya terdapat 228 pelajar Melayu berbanding 1,145 Cina, 229 India, 140 Ceylonese, 47 Serani dan 36 lain-lain. Melayu waktu itu tidak mampu mengatasi kaum India pun!

Masa itu kemasukan ke tingkatan enam dan universiti mengikut meritokrasi (kecemerlangan). Kini kedudukannya sebalik pula. Apapun Melayu majoriti kecuali di pusat-pusat pengajian tinggi swasta dan profesion canggih, perkhidmatan kewangan, modal, insurans dan servis canggih lain.

Orang Melayu sekarang amat senang berbanding zaman itu, kedudukan ekonomi, pendidikan apa lagi politik agak kuat. Oleh kerana kedudukan yang nampaknya gagah itu tetapi sebenarnya tidak ke mana-mana - kuantiti ya, kualiti tidak - orang Melayu telah berpecah-belah amat ketara pada pilihan raya umum 1999 walaupun Umno terus memerintah. Keyakinan orang Melayu kepada kerajaan kian bertambah pulih tetapi mereka terus bersengketa.

Bangsa Melayu terus menerus terancam sehinggalah mereka menguasai ekonomi, pendidikan dan kewangan dan modal; mutu bukan bilangan yang ramai. Kita tidak akan berubah secara ekspres jika kita tidak ada iltizam berbuat demikian.

Apabila Demosthenes berucap orang Athen berarak menyerang Macedonia, waktu Cicero berpidato Caesar pun menggeletar (trembled). Kenapa bila Dr Mahathir bermadah agar bangsanya bersatu padu, bergerak menyerang kemiskinan dan kejahilan reaksinya tidak sebegitu?

Mencapai kemerdekaan bagi Malaya dan Malaysia amat senang, mengisinya amat sukar tetapi kita berjaya lebih daripada kebanyakan negara bekas tanah jajahan. Kalau kita terus bertekad mahu menjadi bangsa kita bangsa yang terpuji dan terbilang, saya percaya apapun terjadi kita tidak akan hilang di dunia. Persoalannya Melayu corak apa dan bagaimana kualitasnya? Satu hari suntuk dan satu malam di Kelantan, saya melihat potensinya.

Saya mahu lihat masa era Dr Mahathir ini orang Melayu memulihkan self-esteem (hormat diri) bukan bagi kepentingan diri tetapi untuk kehormatan negara dan agama.